

CNS1461

U GB 01-06 00160 BA297

Bah

LEAD Mahathir - Filem

KUALA LUMPUR, 1 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata mutu filem tempatan mestilah dipertingkatkan jika ia mahu menikmati lebih banyak kutipan pintu pawagam yang kini diboloti oleh filem asing.

Perdana Menteri berkata walaupun galakan dan insentif telah diberi, industri perfileman, khususnya sektor pengeluaran filem, belum mencapai tahap kemajuan yang diharap-harapkan.

+Kegagalan filem terbitan Malaysia merangkul anugerah filem terbaik di festival filem ke-8 pada tahun 1989 mungkin memberi satu gambaran tentang kedudukan industri perfileman kita sembilan tahun selepas Finas ditubuhkan,+ katanya semasa merasmikan serentak Kompleks Studio Merdeka Finas dan Pesta Filem Malaysia ke-9, di Hulu Klang, dekat sini, hari ini.

Perasmian kompleks studio itu juga bertepatan dengan ulang tahun ke-10 penubuhan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia itu.

Katanya, beliau difahamkan hanya 12 filem cereka dikeluarkan pada tahun lepas dan kebiasaannya filem Malaysia sukar memperolehi kutipan pintu melebihi \$500,000. -- Lagi.

♥01/06/15-08MST

CNS1462

U GB 01-06 00166 BA298

Bah

LEAD Mahathir - Filem 2 Kuala Lumpur

Sambil menarik perhatian bahawa kutipan pintu bagi pawagam-pawagam di Malaysia ialah kira-kira \$124 juta, Perdana Menteri berkata: +Jikalau hanya 12 filem tempatan dihasilkan, dan tiap-tiap satu mengutip \$500,000, ini bermakna hanya \$6 juta adalah bahagian filem-filem tempatan manakala \$118 juta lagi bagi filem luar negeri.

+Para penonton, seperti yang telah terbukti, akan menonton filem-filem Malaysia yang bermutu tinggi,+ tambahnya.

Beliau berkata pengeluar filem Malaysia seharusnya mempunyai pandangan yang jauh bagi menjamin industri perfileman negara terus berkembang dan maju, di samping menembusi pasaran yang lebih luas.

+Walaupun filem Malaysia ditayangkan di Indonesia, Brunei dan Singapura, apakah ini memadai? Kenapa tidak kita mengeluarkan filem yang boleh dipasarkan ke negara-negara ASEAN yang lain, malah untuk penonton dunia yang lain?+ tanya beliau.

Menurutnya, kerajaan sedia memberi pertimbangan kepada pelbagai usul daripada kalangan industri perfileman, termasuk bagi mewujudkan sebuah perkampungan filem seperti yang terdapat di Taiwan dan Singapura. -- Lagi.

♥01/06/15-08MST

U GB 01-06 00189 BA299

Bah

LEAD Mahathir - Filem 3 Kuala Lumpur

Ketika bercakap kepada pemberita kemudian, Datuk Seri Dr Mahathir berkata kelengkapan membuat filem sememangnya ada dan boleh ditambah, tetapi para pengeluar filem perlu lebih tekun berusaha memperbaiki lagi mutu plot, lakonan dan dialog.

Katanya, sekiranya persembahan pentas seperti nyanyian dan tarian di negara ini boleh mencapai taraf antarabangsa, tidak ada sebab mengapa industri perfileman tidak boleh berbuat demikian.

Jika perlu, kalangan yang berbakat hendaklah dihantar ke luar negeri, misalnya di England, untuk menimba ilmu dalam bidang tersebut bagi tempoh satu hingga tiga tahun.

Mengenai pengaruh budaya Barat, beliau berkata, untuk menghasilkan filem tempatan yang bermutu, ia tidak semestinya mempunyai unsur ganas atau seks.

Upacara perasmian yang berlangsung di Dataran Karyawan itu disaksikan oleh kira-kira 3,000 orang termasuk isteri Perdana Menteri Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Penerangan Datuk Mohamad Rahmat, Pengerusi Finas Tan Sri Abdul Samad Idris, para artis dan kalangan yang terlibat dalam industri itu.

Sesudah itu, Datuk Seri Dr Mahathir melawat sekitar kompleks berkenaan serta menyaksikan demonstrasi adegan +stunt+. -- Bernama.

♥01/06/15-10MST